

**BAHAGIAN B : TAKSIRAN KUMPULAN
(30 MARKAH)**

Semua pusat rekreasi di negeri ini diarahkan untuk meningkatkan tahap kebersihan dalam usaha mencegah penyebaran virus penyakit kepada pengunjung.

Bincangkan usaha-usaha mencegah penyebaran virus penyakit kepada pengunjung.

Usaha meningkatkan tahap kebersihan pusat rekreasi :

Diri / keluarga

- Tidak membuang sampah di merata-rata tempat.
- Membawa pulang sampah sekiranya tiada tong sampah disediakan.

Masyarakat

- Mengadakan aktiviti gotong-royong untuk membersihkan kawasan pusat rekreasi.
- Memberikan teguran / nasihat kepada individu yang membuang sampah di merata-rata tempat.

Pihak kerajaan

- Menghebahkan kempen 'Sayangi Taman Kita' melalui media-media sosial.

**NASKHAH PENTAKSIR
SET 2**

**BAHAGIAN B : TAKSIRAN KUMPULAN
(30 MARKAH)**

Setiap individu yang melakukan aktiviti sukan berisiko mendapat kecederaan.

Bincangkan punca-punca berlakunya risiko kecederaan semasa bersukan.

Punca berlakunya risiko kecederaan semasa bersukan :

- Pemanasan tidak mencukupi.
- Penggunaan peralatan atau peralatan sukan yang tidak betul.
- Jatuh atau berlanggar semasa bersukan.
- Melakukan aktiviti sukan secara berlebihan.
- Tidak memakai kasut sukan yang sesuai untuk bersukan.

**BAHAGIAN B : TAKSIRAN KUMPULAN
(30 MARKAH)**

Perpaduan merupakan keunikan negara kita yang sukar diperolehi dari negara lain.

Bincangkan kelebihan-kelebihan keunikan perpaduan di Malaysia.

Kelebihan perpaduan kaum di Malaysia :

- Dapat mewujudkan masyarakat yang harmoni.
- Menjadi suri teladan kepada negara-negara lain.
- Dapat memajukan ekonomi negara.
- Dapat menarik kedatangan pelancong ke Malaysia.
- Bekerjasama / saling membantu tanpa mengira kaum
- Membudayakan amalan rumah terbuka semasa perayaan.
- Mempromosikan pakaian kebangsaan untuk semua kaum.

**BAHAGIAN B : TAKSIRAN KUMPULAN
(30 MARKAH)**

Kebolehan menguasai bahasa asing memberikan banyak kelebihan kepada individu tersebut.

Bincangkan kelebihan menguasai bahasa asing kepada individu.

Kelebihan menguasai bahasa asing kepada individu :

- Mudah untuk berhubung atau berkomunikasi dengan orang lain.
- Memperoleh lebih banyak ilmu pengetahuan.
- Membuka peluang untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.
- Memperoleh peluang pekerjaan yang lebih banyak.
- Mudah memahami budaya asing.
- Boleh menjadi penterjemah bahasa.

**BAHAGIAN B : TAKSIRAN KUMPULAN
(30 MARKAH)**

Pihak kerajaan dan swasta telah bekerjasama mengambil pelbagai langkah bagi memajukan bidang pertanian di Malaysia.

Bincangkan peranan pihak kerajaan atau swasta bagi memajukan bidang pertanian di Malaysia.

Peranan memajukan bidang pertanian di Malaysia :

- Kementerian Pertanian menjalankan penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang melibatkan IPT dan pakar pertanian.
- Bank Agro menyediakan kemudahan suntikan modal melalui pinjaman Skim Mikro.
- Penubuhan koperasi untuk mengelakkan daripada campur tangan orang tengah yang menguasai harga pasaran.
- FAMA membantu urusan pemasaran hasil pertanian supaya dapat dipasarkan apabila sudah matang terus kepada pengguna.
- Jabatan Pertanian dan IPT bekerjasama menganjurkan kursus Pengurusan Penternakan untuk memastikan hasil pertanian yang dikeluarkan bermutu dan memenuhi kehendak pasaran.
- Kerajaan mempromosikan / mengiklankan produk pertanian tempatan.
- Kerajaan memberikan bantuan modal kepada pengusaha kecil bagi meningkatkan pengeluaran pertanian.

**BAHAGIAN B : TAKSIRAN KUMPULAN
(30 MARKAH)**

Pelancongan merupakan sumber pendapatan utama bagi banyak negara, dan memberi kesan kepada ekonomi kedua-dua negara sumber dan tuan rumah, dalam sesetengah keadaan menjadi sangat penting.

Bincangkan manfaat-manfaat dalam sektor pelancongan.

Manfaat dalam sektor pelancongan :

- dapat mengurangkan stres dan menenangkan fikiran.
- dapat pengetahuan tentang sesuatu tempat.
- dapat pengalaman yang menyeronokkan.
- dapat menikmati makanan popular di sesebuah tempat.
- dapat meluangkan masa bercuti bersama-sama keluarga atau rakan.



**BAHAGIAN B : TAKSIRAN KUMPULAN
(30 MARKAH)**

Kemajuan dalam sektor perindustrian telah dikecapi hari ini sedikit tercalar akibat sikap manusia yang tidak bertanggungjawab dengan mencemarkan alam sekitar.

Jelaskan punca-punca pencemaran alam sekitar.

Punca pencemaran alam sekitar :

- asap-asap kenderaan dan kilang.
- kilang mengeluarkan sisa toksik ke dalam sungai.
- sikap individu yang tidak mementingkan kebersihan dan membuang sampah merata-rata.
- pembakaran hutan dan pembakaran di kawasan perumahan secara terbuka.

**BAHAGIAN B : TAKSIRAN KUMPULAN
(30 MARKAH)**

Malaysia mempunyai banyak lagi variasi makanan tradisi lazat yang pastinya boleh diterokai oleh usahawan bagi memasarkan ke peringkat yang lebih tinggi.

Huraikan peranan pelbagai pihak dalam usaha memasarkan produk tempatan.

Peranan pelbagai pihak dalam usaha memasarkan produk tempatan :

- memberi bantuan modal.
- memudahkan urusan pinjaman.
- memberi latihan dan pendidikan.
- menawarkan tawaran harga pengiklanan yang mampu milik.
- memperkasakan jenama produk.
- menawarkan teknologi pembuatan dari tradisional kepada moden dengan harga mampu milik.

**BAHAGIAN B : TAKSIRAN KUMPULAN
(30 MARKAH)**

Semangat cinta akan negara perlu sentiasa disemai dalam diri supaya semangat patriotik pejuang-pejuang kemerdekaan tidak luntur. Menurut Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, “Merdeka itu bukanlah suatu benda yang mudah boleh didapati, melainkan ialah dikehendaki untuk mendapatkannya iaitu pengorbanan yang sebenar pengorbanan.”

Huraikan cara-cara untuk menghargai jasa dan pengorbanan wira-wira negara.

Cara untuk menghargai jasa dan pengorbanan wira-wira negara :

- menghargai setiap peninggalan yang diwariskan.
- menjaga nama baik wira negara dan keluarganya.
- menjadikan wira negara sebagai idola/ ikon yang boleh diteladani.
- mendoakan kesejahteraan wira negara yang telah terkorban.
- mencontohi sikap positif mereka.
- memperingati sambutan Hari Pahlawan dan mempelajari sejarah mereka.

**BAHAGIAN B : TAKSIRAN KUMPULAN
(30 MARKAH)**

Sejak dahulu lagi karya sastera sememangnya kurang mendapat tempat di hati masyarakat berbanding naskah popular, sekali gus menjadikan gerakan memperkasa karya sastera di negara ini masih ada kelompondan. Memang sejak dulu lagi masyarakat umum kurang menerima karya sastera kerana mereka lebih minat dengan novel popular atau pembacaan ringan.

Ulaskan.

Punca karya sastera kurang digemari oleh masyarakat :

- karya sastera mengandungi banyak diksi bahasa klasik menjadikan karya sastera agak sukar difahami.
- kurang pendedahan kepada masyarakat tentang karya sastera yang terdapat dalam negara.
- masyarakat hari ini lebih gemar menggunakan telefon pintar yang mengandungi pelbagai aplikasi seperti permainan video.
- kemunculan pelbagai karya moden dan bahan bacaan ringan seperti komik yang membanjiri pasaran menjadikan masyarakat kurang meminati karya sastera.